

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU 2014
26/05/2014

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz,
Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia;

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Utama Dr. Rais Yatim,
Penasihat Kerajaan Dalam Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan Malaysia, dan
isteri

Yang Berbahagia Datuk Dr. Ong Hong Peng,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan;

Yang Berbahagia Dato' Raslin bin Abu Bakar,
Ketua Pengarah Perpustakaan Negara ;

YBhg Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan
dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia
dan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir di Perpustakaan Negara Malaysia
pada hari ini untuk majlis perasmian Pameran Antarabangsa Manuskrip
Melayu 2014 yang bertemakan "Merungkai Rahsia Manuskrip Melayu."

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian
Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, kerana mengundang saya untuk hadir
merasmikan pameran ini. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian atas
kejayaan menganjurkan pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu 2014 ini.

3. Sesungguhnya, pameran ini merupakan salah satu usaha penting untuk kita
merungkai, memahami, menghayati dan mengembalikan citra Melayu
mahawangsa, sebagai aset penting bagi kita memacu kemakmuran hidup di

bumi tercinta ini.

4. Saya difahamkan, bahawa setakat ini ahli-ahli akademik tempatan telah dapat mengkaji secara mendalam sekitar 30% daripada sejumlah kira-kira 10,000 manuskrip Melayu yang terdapat di seluruh dunia. Hasilnya, telah membuktikan penglibatan masyarakat Melayu terdahulu di dalam pelbagai bidang yang merangkumi keagamaan seperti tajwid, fekah, tasawuf, serta juga pengetahuan masyarakat tempatan dalam ketatanegaraan, undang-undang dan juga ilmu bahasa. Turut dikaji adalah topik-topik seperti ilmu herba dan perubatan, ilmu astronomi, ilmu mantera dan jampi serta cara hidup masyarakat Melayu tradisional.

5. Sebelum ini, pendapat umum khususnya para pengkaji atau penyelidik barat, bahawa pengarang Melayu hanyalah meniru dan mencedok gaya sastera Hindu dan Arab. Namun, apabila manuskrip ini dikaji dan diberi pengertian baharu oleh para pengkaji, ternyata bahawa manuskrip ini menggambarkan kebestarian intelek Melayu di zaman dahulu. Keintelektualan bangsa Melayu dapat dikesan sejak awal abad ke-13, apabila sistem tulisan jawi diperkenalkan untuk menggantikan tulisan Pallava atau Kawi. Ketika itu, perbendaharaan kata Arab mula diserapkan ke dalam bahasa Melayu untuk memungkinkan bahasa itu membahaskan soal teologi rasional, pemikiran falsafah dan metafizik Islam.

6. Masyarakat Melayu secara proaktif melaksanakan kegiatan ilmiah ini melalui wacana intelek. Misalnya, buku Aqid Al Nasafi telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Terjemahan ini dianggap cukup hebat dari segi gaya dan larasnya. Tun Sri Lanang pula menghasilkan buku Sejarah Melayu yang diperakukan oleh Abdullah Munshi “sebagai elok karangannya dan betul jalan bahasanya”. Banyak manuskrip yang bersifat akliah dan rasional tentang teologi Islam, falsafah sufisme, dan metafizik Islam turut dihasilkan pada zaman itu. Buku-buku ini ditulis sendiri oleh pemikir-pemikir tempatan seperti Sheikh Nuruddin ar-Raniri, Abdul Rauf Singkel, Shamsuddin al-Sumatrani dan Hamzah Fansuri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Umum mengetahui, negara- negara barat banyak menyimpan segala hasil khazanah dan sejarah negara kita. Antara tempat yang menyimpan manuskrip-manuskrip Melayu ini termasuklah di Universiti Leiden, Belanda, di Perpustakaan Negara United Kingdom dan The School Oriental And African Studies (SOAS) di London, dan juga di pusat-pusat pengajian tinggi di negara-

negara bekas penjajah yang lain.

8. Disebabkan itu, pengkaji peradaban Melayu terpaksa menjadikan Eropah sebagai 'transit' apabila ingin membuat kajian tentang manuskrip Melayu. Di samping itu, kos yang tinggi untuk melakukan penyelidikan ke atas manuskrip Melayu ini telah menyebabkan ramai yang tidak berminat untuk meneruskan kajian mendalam di dalam bidang ini. Lebih membimbangkan, bilangan pengkaji yang semakin menurun menyebabkan Universiti Leiden membuat keputusan untuk menjual dan mengagihkan koleksi manuskrip Melayu dan Nusantaraanya kepada pelbagai pihak terutama kepada yang membayar harga yang tinggi untuk mendapatkannya.

9. Dalam usaha membangunkan jati diri dan citra sebagai bangsa yang dihormati, adalah menjadi tanggung jawab para cendekiawan tempatan untuk terus mempertahankan dan memartabatkan manuskrip Melayu sebagai dokumen warisan negara yang terpenting. Kita harus mengambil iktibar tentang kebolehan sarjana barat seperti Roolvink, Teeuw, Josselin de Jong, George Coedes dan Snouck Hurgronje yang berupaya menjadi pakar rujuk dalam memperkatakan bahasa, adat, tradisi lisan, batu bersurat, bahasa Melayu kuno dan pelbagai aspek peradaban Melayu, sedangkan sarjana Melayu sendiri tidak mengenali atau memperkenalkan budaya mereka. Justeru, di harap lebih ramai lagi pengkaji tempatan dan penuntut peringkat sarjana mendalami kajian mengenai manuskrip Melayu di negara-negara tertentu.

10. Kita perlu secara agresif mengambil inisiatif melagang usaha ke arah mengenal pasti, mengesan taburan manuskrip Melayu di seluruh dunia dan menghimpunkannya semula di negara kita. Setakat ini, Perpustakaan Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mencapai hasrat ini. Saya berharap agar lebih banyak lagi organisasi akan turut serta dalam merangka pelan strategi untuk memartabatkan Manuskrip Melayu ini.

11. Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu yang diadakan selama tiga bulan di Perpustakaan Negara ini, pastinya akan memberikan peluang kepada para pengunjung untuk melihat sendiri khazanah akademik dan persuratan tanah air kita. Para sarjana dan pelajar harus mengambil peluang ini untuk meneliti manuskrip-manuskrip bagi dijadikan inspirasi dan bahan kajian agar dapat diterjemahkan dalam bentuk wacana lain, khususnya dalam bidang persuratan

Melayu lama. Saya dimaklumkan bahawa lebih daripada 100 naskhah manuskrip Melayu asal dipamerkan dalam galeri berbentuk perahu besar Melayu. Ia melambangkan kehebatan ilmu pelayaran dan senibina perkapalan orang Melayu seperti yang tercatat dalam manuskrip dan jurnal pelayaran Melayu.

12. Saya berharap agar lebih banyak manuskrip yang berada dalam simpanan badan dan individu tertentu dikemukakan dan dipamerkan kepada khalayak demi memperkaya khazanah manuskrip melayu yang dapat diakses oleh masyarakat. Manuskrip yang disimpan hanya akan mempunyai nilai tinggi jika ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat umum. Saya difahamkan bahawa pameran maya manuskrip Melayu juga telah dibangunkan menerusi Portal Khas Manuskrip Melayu dan boleh diakses secara dalam talian oleh masyarakat seluruh dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Bersesuaian dengan Tahun Melawat Malaysia 2014, koleksi manuskrip Melayu yang merakamkan segala ilmu pengetahuan tentang bangsa Melayu silam ini, dapat dijadikan produk knowledge tourism (pelancongan ilmu). Ia akan dapat menarik perhatian pelancong dan ilmuan antarabangsa untuk datang ke negara kita bagi meneroka khazanah dan ilmu Dunia Melayu yang telah menyumbang kepada peradaban dunia zaman berzaman.

14. Kita juga merasa bangga dengan pengiktirafan Manuskrip Melayu Hikayat Hang Tuah sebagai dokumen warisan negara “Memory of The World Register” oleh UNESCO pada 20 Oktober 2001 dan diharapkan lebih banyak lagi manuskrip Melayu yang akan mendapat pengiktirafan seperti ini diperingkat antarabangsa.

15. Saya difahamkan juga, bahawa pihak Perpustakaan Negara melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, mencadangkan agar satu bulan ditetapkan sebagai Bulan Manuskrip Melayu Kebangsaan. Cadangan ini boleh dipertimbangkan di masa akan datang sebagai usaha berterusan untuk memartabatkan kedudukan manuskrip Melayu sebagai khazanah intelektual yang tidak ternilai harganya di persada dunia.

16. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan “Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu 2014.”

Sekian Terima kasih.

Wabillahi taufiq Wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.